



SOALAN LAZIM (FAQ)

BANTUAN UPM PRIHATIN

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA



[facebook.com/UniPutraMalaysia](https://www.facebook.com/UniPutraMalaysia)



[@uputramalaysia](https://twitter.com/uputramalaysia)



[instagram.com/uniputramalaysia](https://www.instagram.com/uniputramalaysia)



[youtube.com/user/bppupm](https://www.youtube.com/user/bppupm)

PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN

BERILMU BERBAKTI
WITH KNOWLEDGE WE SERVE



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**SOALAN LAZIM (FAQ)
BANTUAN UPM PRIHATIN**

1. Apakah bantuan UPM Prihatin?

Universiti Putra Malaysia telah menyelaras tujuh jenis bantuan kepada pelajar sepenuh masa Semester 1 Sesi 2020/2021. Bantuan UPM Prihatin adalah seperti berikut:

- a. Bayaran Balik Yuran Penginapan
- b. Pengurangan Yuran Kolegiat dan Perkhidmatan
- c. Bantuan Pelan Data Dan Peranti
- d. Bantuan Kewangan
- e. Bantuan Tele-Kaunseling
- f. Pembatalan Skim Book Plan (pelajar baharu sahaja)
- g. Pemulangan Skim Meal Plan (pelajar baharu sahaja)

A. Bayaran Balik Yuran Penginapan

2. Siapakah yang layak menerima bayaran balik yuran penginapan ini?

Bayaran balik yuran penginapan kepada pelajar yang layak akan diberikan jika pelajar tidak menginap di kolej kediaman Kampus Serdang bagi Semester 1 Sesi 2020/2021. Pelajar yang menginap di kolej kediaman bagi tempoh 1 November 2020 hingga 28 Februari 2021 sahaja akan dikenakan yuran penginapan termasuk pelajar yang menginap di kolej kediaman dari 6 kategori berikut:

- a. Pelajar yang menjalani Latihan Industri (LI) di Fakulti UPM
- b. Pelajar yang menjalani Latihan Industri di Syarikat/ Agensi/ Institusi Luar Berhampiran UPM
- c. Pelajar Tahun Akhir bagi pengajaran dan pembelajaran bersemuka
- d. Pelajar Tahun Akhir -
 - i. Pelajar Tahun Akhir yang memerlukan bantuan pengajaran dan pembelajaran secara maya
 - ii. Golongan B40 (Pelajar Tahun Akhir) yang memerlukan bantuan pengajaran dan pembelajaran secara maya



facebook.com/UniPutraMalaysia



[@uputramalaysia](https://twitter.com/uputramalaysia)



instagram.com/uniputramalaysia



youtube.com/user/bppupm

PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN

BERILMU BERBAKTI
WITH KNOWLEDGE WE SERVE

- e. Pelajar Siswazah Mod penyelidikan yang telah diberi kebenaran Menyambung Penyelidikan
 - f. Ahli Majlis Perwakilan Pelajar dan Majlis Perwakilan Kolej
- 3. Bagaimakah bayaran balik yuran penginapan pelajar dibuat oleh pihak Universiti?**
- a. Bagi pelajar prasiswazah tempatan, bayaran balik yuran penginapan untuk Semester 1 Sesi 2020/2021 (1 November 2020 – 28 Februari 2021) akan dikreditkan ke akaun bank pelajar secara berperingkat selewat-lewatnya pada 31 Disember 2020.
 - b. Selain daripada pelajar prasiswazah tempatan, pelajar boleh berurusan dengan pihak pengurusan kolej masing-masing bagi urusan bayaran balik atau pelarasan ke tempoh penginapan akan datang.

B. Pengurangan Yuran Kolegiat dan Perkhidmatan

- 4. Siapakah yang layak menerima manfaat pengurangan yuran kolegiat?**
Semua pelajar prasiswazah tempatan dan antarabangsa UPM Kampus Serdang. Pelajar siswazah tidak layak menerima manfaat pengurangan yuran kolegiat kerana tidak membayar yuran tersebut.
- 5. Siapakah pula yang layak menerima manfaat pengurangan yuran perkhidmatan?**
Semua pelajar prasiswazah dan siswazah tempatan dan antarabangsa UPM Kampus Serdang yang berstatus aktif.
- 6. Bagaimakah pengurangan yuran kolegiat dan perkhidmatan dibuat oleh pihak Universiti?**
Pengurangan yuran kolegiat dan perkhidmatan sebanyak 15% ini akan dikreditkan ke akaun bank pelajar secara berperingkat selewat-lewatnya pada 31 Disember 2020. Bagi kes pengurangan yang tidak dapat dikreditkan ke akaun bank pelajar, amaun pengurangan akan dibawa ke semester hadapan.

C. Bantuan Pelan Data dan Peranti

7. Apakah bentuk bantuan Pelan Data dan Peranti yang ditawarkan?

Terdapat dua bentuk bantuan Pelan Data dan Peranti iaitu:

- a. Bantuan yang diberi oleh pihak Universiti samada dalam bentuk pemberian kad sim atau peranti atau bantuan dalam bentuk tunai (melalui akaun

pelajar) berdasarkan ketetapan yang diputuskan oleh pihak Universiti iaitu kepada pelajar dalam golongan keluarga B40 dengan had pendapatan RM2,500.00 dan Asnaf yang terpilih. Proses saringan dan pemilihan penerima bantuan akan dibuat oleh pihak WAZAN dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar. Pelajar-pelajar yang terpilih akan dimaklumkan melalui emel rasmi pelajar.

- b. Sekiranya pelajar berhasrat membeli sendiri pelan data dan peranti, mereka boleh mendapat manfaat seperti berikut:
 - i. Pelan Data Istimewa daripada syarikat telekomunikasi seperti Celcom, Digi, Telekom Malaysia dan Maxis; atau
 - ii. Diskaun istimewa khas bagi pembelian peranti daripada syarikat pengeluar peranti seperti Acer, Samsung dan Apple kepada pelajar.

8. Bagaimana cara untuk pelajar membuat permohonan?

Pelajar perlu merujuk syarat dan cara-cara memohon melalui hebahan yang akan dibuat dilaman web Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM.

D. Bantuan Kewangan

9. Siapakah yang layak memohon bantuan ini?

Keutamaan adalah diberikan kepada semua pelajar sepenuh masa dalam kalangan Asnaf. Selain itu, pelajar dalam golongan keluarga B40 juga boleh memohon bantuan mengikut prosedur yang ditetapkan oleh pihak Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN) UPM.

10. Apakah jenis bantuan kewangan yang disediakan oleh pihak WAZAN?

Terdapat pelbagai jenis bantuan kewangan yang disediakan oleh pihak WAZAN seperti penyediaan biasiswa, bantuan sara diri, yuran pengajian, latihan industri, bantuan khas bulanan dan lain-lain.

11. Bagaimanakah cara pelajar boleh membuat permohonan bantuan?

Pelajar boleh memohon secara dalam talian menerusi ewazan.upm.edu.my. Untuk pertanyaan dan maklumat lanjut sila hubungi talian hotline WAZAN 010-7898566.

12. Bagaimana kaedah bantuan kewangan diagihkan kepada pelajar?

Bantuan kewangan yang diluluskan akan diagihkan kepada pelajar menerusi pelbagai kaedah seperti pembayaran ke akaun pelajar, tolakan lejar yuran tertunggak, agihan bahan makanan dan sebagainya.

E. Bantuan Tele-Kaunseling

13. Apakah itu Tele-kaunseling?

Tele-kaunseling merupakan perkhidmatan sesi bimbingan atau perhubungan menolong yang dilaksanakan secara dalam talian antara kaunselor dengan klien. Kaedah perkhidmatan ini adalah melalui panggilan telefon, aplikasi WhatsApp, Zoom, Webex atau Google Meet (mengikut kesesuaian).

14. Bagaimakah cara untuk pelajar mendapatkan bantuan Tele-Kaunseling?

Pelajar boleh menghubungi Bahagian Kaunseling UPM melalui nombor WhatsApp 011-5665 6221.

15. Adakah pelajar perlu mendaftar untuk mendapatkan sesi Tele-Kaunseling tersebut?

Pelajar hanya perlu menghubungi samada melalui talian WhatsApp rasmi Bahagian Kaunseling UPM atau kaunselor yang bertugas serta melengkapkan butiran peribadi dan bersetuju dengan sesi secara atas talian yang akan dijalankan.

16. Bagaimana pelajar boleh mendapatkan jadual bertugas kaunselor beserta nombor telefon untuk dihubungi?

Jadual kaunselor dan nombor telefon kaunselor bertugas boleh didapati di laman web Bahagian Kaunseling UPM, Facebook dan Instagram Bahagian Kaunseling UPM.

F. Pembatalan Skim Book Plan

17. Siapakah yang layak menerima manfaat pembatalan Skim Book Plan ini?

Semua pelajar prasiswazah baharu tempatan Semester 1 Sesi 2020/2021 yang terlibat sahaja layak menerima pemulangan bayaran balik bagi pembatalan Skim Book Plan.

18. Bagaimakah pembatalan ini akan dibuat?

Bayaran balik skim ini akan dikreditkan ke akaun bank pelajar secara berperingkat selewat-lewatnya pada 31 Disember 2020 tertakluk kepada pengumpulan data akaun bank yang diterima. Pejabat Bursar akan menghantar emel melalui bursar.student_ug@upm.edu.my kepada pelajar baharu yang layak ke emel rasmi pelajar UPM (nomatrik@student.upm.edu.my). Sila pastikan anda memberikan maklumbalas kepada emel ini sahaja.

G. Pemulangan Skim Meal Plan

19. Siapakah yang layak menerima pemulangan Skim Meal Plan ini?

Semua pelajar prasiswazah baharu tempatan Semester 1 Sesi 2020/2021 layak menerima bayaran balik bagi pemulangan Skim Meal Plan.

20. Bagaimanakah pemulangan tersebut akan dibuat?

Bayaran balik skim ini akan dikreditkan ke akaun bank pelajar secara berperingkat selewat-lewatnya pada 31 Disember 2020 tertakluk kepada pengumpulan data akaun bank yang diterima. Pejabat Bursar akan menghantar emel melalui bursar.student_ug@upm.edu.my kepada pelajar baharu yang layak ke emel rasmi pelajar UPM (nomatrik@student.upm.edu.my). Sila pastikan anda memberikan maklumbalas kepada emel ini sahaja.

H. Pertanyaan Lain

21. Bagaimana saya ingin mendapatkan maklumat lain berkaitan bantuan pelajar?

Sebarang pertanyaan berkaitan bantuan UPM Prihatin, boleh diajukan ke emel bhep@upm.edu.my.

Universiti Putra Malaysia

11 November 2020



[facebook.com/UniPutraMalaysia](https://www.facebook.com/UniPutraMalaysia)



[@uputramalaysia](https://twitter.com/uputramalaysia)



[instagram.com/uniputramalaysia](https://www.instagram.com/uniputramalaysia)



[youtube.com/user/bppupm](https://www.youtube.com/user/bppupm)